

UMT, IPSM sertai program baktasiswa di Hulu Besut

UM 15/02/07 pg. 26

BESUT 14 Feb. - Seramai 40 mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan 40 guru pelatih Institut Perguruan Sultan Mizan (IPSM) Besut akan menyertai Program Baktasiswa Bersama Masyarakat Hulu Besut bermula Jumaat ini.

Program empat hari itu dianjurkan bersama oleh UMT, IPSM, Gabungan Mahasiswa Besut, Pusat Khidmat Masyarakat Pejabat Ahli Dewan Undangan Ne-

geri (ADUN) Hulu Besut dan Gerakan Belia 4B Cawangan Alor Keladi.

Pengarah program, Zahari Mat berkata, ia bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama kalangan mahasiswa dari pelbagai institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) di negeri ini dengan penduduk setempat.

Katanya, program berkenaan juga bertindak sebagai satu saluran ilmu di kalangan mahasiswa IPTA dengan masyara-

kat kampung di samping memberi pendedahan awal kepada pelajar di situ terhadap kedua-dua IPTA tersebut.

Menurutnya, wakil-wakil Gabungan Mahasiswa Besut dari 11 IPTA akan turut menyumbangkan tenaga untuk menjayakan pelbagai program yang dirancang dalam tempoh itu.

"Sepanjang program ini berlangsung, peserta akan tinggal bersama keluarga angkat di beberapa kampung iaitu Kam-

pung Alor Keladi, Lubuk Kawah, Tanjung Alir dan Mata Air," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Zahari berkata, perasmian akan dilakukan oleh Timbalan Rektor UMT, Profesor Dr. Abd Majid Mohd Isa bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMK) Wataniah Alor Keladi.

Majlis penutup pula akan disempurnakan oleh ADUN Hulu Besut, Nawi Mohammad pada 18 Februari ini.